



5

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Tinjauan

Sektor kewangan yang berdaya tahan menyokong pertumbuhan ekonomi

Ekonomi domestik kekal berdaya tahan dan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 6.3% dalam tempoh enam bulan pertama 2014, walaupun persekitaran pertumbuhan ekonomi global berkembang sederhana. Pertumbuhan ini disokong oleh pengukuhan eksport dan permintaan domestik yang terus berkembang. Walau bagaimanapun, seiring dengan prospek pertumbuhan yang kukuh dan inflasi melebihi kadar purata jangka panjang, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dinaikkan daripada 3.00% kepada 3.25% pada 10 Julai 2014. Tahap dasar monetari yang akomodatif juga diselaraskan bagi mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang lebih luas dan seterusnya boleh menjejaskan prospek pertumbuhan jangka panjang. Keperluan Rizab Berkanun (SRR) pula dikekalkan pada kadar 4.00%.

Pembiayaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal yang kekal kukuh menyokong perkembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. Pada masa yang sama, volatiliti dalam pasaran kewangan global berterusan terutamanya di Amerika Syarikat (AS) berikutan peralihan dasar monetari akomodatif kepada keadaan normal. Walaupun keadaan tersebut menyebabkan peningkatan volatiliti pengaliran modal di rantau ini, pasaran kewangan domestik tetap kekal teratur dan pengantaraan kewangan tidak mengalami sebarang gangguan. Permodalan sistem perbankan kekal tinggi pada akhir Julai 2014 dengan nisbah modal ekuiti

biasa kumpulan 1 (CET1) pada 12.4%, nisbah modal kumpulan 1 pada 13.2% dan nisbah jumlah modal pada 15.1%, melebihi tahap pengawalseliaan minimum¹.

Selain daripada sistem kewangan konvensional, industri kewangan Islam juga telah menunjukkan pertumbuhan kukuh dalam tempoh lima tahun yang lalu. Jumlah aset dalam industri perbankan Islam berkembang dengan purata 16.4% setahun daripada RM303.2 bilion pada akhir 2009 kepada RM558.2 bilion pada akhir 2013. Jumlah aset sistem perbankan Islam (termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)) telah mencapai RM580.8 bilion pada akhir Julai 2014, merangkumi 25.1% agihan pasaran daripada jumlah aset sistem perbankan. Industri perbankan Islam terus mempunyai permodalan yang kukuh dengan tahap nisbah modal CET1 (12.6%), nisbah modal kumpulan 1 (12.7%) dan nisbah jumlah modal (16.1%), melebihi keperluan pengawalseliaan minimum pada akhir Julai 2014.

Malaysia terus menjadi peneraju pasaran terbitan sukuk global yang mencakupi 63% atau USD41.7 bilion daripada jumlah sukuk global yang diterbitkan dalam tempoh separuh pertama 2014. Penerbit asing terus memilih Malaysia yang merupakan pasaran modal Islam terbesar dan paling mudah tunai, sebagai platform pilihan bagi terbitan sukuk. Penerbit asing ini termasuk Societe Generale SA (Perancis) yang menyediakan program penerbitan sukuk pelbagai mata wang bernilai RM1 bilion; Bank Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad (BTMU) dengan program penerbitan pelbagai mata wang bernilai USD500 juta; Turkiye Finans Katilim Bankasi A.S. (Turki) dengan terbitan sukuk RM800 juta di bawah programnya yang

¹ Mulai 1 Januari 2014, tahap pengawalseliaan minimum bagi nisbah modal CET1 ialah 4%, nisbah modal kumpulan 1 (5.5%) dan nisbah jumlah modal (8%).

bernilai RM3 bilion; Bumitama Agri (Singapura) Ltd dengan terbitan sukuk RM500 juta di bawah programnya yang bernilai RM2 bilion; dan Bank Pembangunan Islam dengan sukuk bernilai USD1.5 bilion.

Pada masa yang sama, trend terkini terbitan sukuk berdaulat oleh pasaran kewangan konvensional yang terbesar seperti London dan Hong Kong akan terus menjana pertumbuhan sukuk global. UK merupakan negara barat pertama yang menerbitkan sukuk berdaulat dengan penerbitan sukuk *ijarah* berdaulat 5-tahun bernilai GBP200 juta pada Jun 2014. Pada September, Kerajaan Hong Kong Special Administrative Region menerbitkan sukuk *ijarah* sulung 5-tahun berjumlah USD1 bilion manakala Indonesia juga menerbitkan sukuk berdaulat 10-tahun dengan nilai USD1.5 bilion. Bagi setiap tiga penerbitan sukuk berdaulat tersebut, sebuah bank tempatan telah dilantik sebagai pengurus utama bersama. Penglibatan penggiat kewangan dan firma perkhidmatan profesional tempatan dalam memberi nasihat dan perkhidmatan kewangan Islam di peringkat antarabangsa membuktikan kepakaran Malaysia telah diiktiraf dalam pasaran sukuk.

Perkembangan Monetari

Dasar Monetari

Dasar monetari kekal akomodatif

Pada 2014, **dasar monetari** tertumpu untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mapan dalam persekitaran harga yang stabil, di samping menangani sebarang kelemahan yang mungkin berlaku akibat ketidakseimbangan kewangan. Ekonomi negara terus mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.4% pada suku kedua 2014, setelah merekodkan perkembangan 6.2% pada suku pertama. Pertumbuhan ekonomi ini disokong oleh permintaan luar yang kukuh dan aktiviti domestik yang berdaya tahan. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi yang mencatat 3.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, kekal melebihi paras 2% hingga 3% yang diunjurkan bagi 2014.

Tekanan ini disebabkan oleh kenaikan harga kawalan secara pentadbiran bagi bahan api, gula dan elektrik sejak September 2013 dan pada awal 2014.

Seiring dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan inflasi dijangka kekal melebihi kadar purata jangka panjang, OPR yang stabil pada kadar 3.00% sejak 5 Mei 2011 telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada 10 Julai 2014. Normalisasi keadaan monetari juga bertujuan untuk mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang lebih luas dan seterusnya boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi negara. Pada kadar OPR baharu ini, pendirian dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi negara. Walau bagaimanapun, SRR kekal tidak berubah pada 4.00% sejak pelarasan terakhir pada Julai 2011.

Susulan daripada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari pada 18 September 2014, OPR dikekalkan pada 3.25%.

Kadar faedah dinaikkan

Kadar faedah dalam sistem perbankan telah meningkat berikutan pelarasan OPR. Kadar pinjaman asas (BLR) bank perdagangan telah meningkat kepada 6.78% pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 6.53%), iaitu pelarasan pertama sejak Disember 2011. Kadar pinjaman purata berwajaran bagi bank perdagangan juga meningkat 13 mata asas kepada 5.49% (akhir 2013: 5.36%). Manakala, kadar faedah purata deposit simpanan pula meningkat lapan mata asas kepada 1.07% (akhir 2013: 0.99%). Peningkatan kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan adalah lebih rendah dengan kadar yang telah diselaraskan antara 3.07% dan 3.30% (akhir 2013: 2.91% dan 3.15%) berbanding pelarasan BLR. Kadar pulangan benar deposit tetap bagi semua tempoh matang kekal negatif dalam tempoh enam bulan pertama 2014. Walau bagaimanapun, setelah OPR dinaikkan kepada 3.25% pada Julai 2014, kadar pulangan


benar deposit tetap bagi tempoh matang 9-bulan dan 12-bulan menjadi positif apabila kadar inflasi menyederhana kepada 3.2% pada Julai 2014.

Peningkatan agregat monetari mencerminkan aktiviti ekonomi yang kukuh

Agregat monetari terus berkembang berikutan aktiviti ekonomi yang kukuh dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. M1 atau wang secara kecil meningkat 9.1% kepada RM331.9 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 13%; RM327.5 bilion), terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam deposit permintaan sebanyak 8.9% (akhir 2013: 13.9%). M3 atau wang secara luas pula meningkat pada kadar lebih perlahan, iaitu 5.7% kepada RM1,503.7 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 8.1%; RM1,462.4 bilion). Peningkatan wang secara luas terutamanya disebabkan oleh perkembangan dalam pinjaman bank kepada sektor swasta.

CARTA 5.1

Agregat Monetari (% perubahan tahunan)



¹ Akhir Julai 2014.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari – Julai

	Perubahan (RM bilion)	
	2013	2014 ¹
M3	77.7	51.4
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	19.0	13.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	57.9	57.5
Pinjaman	57.5	52.6
Sekuriti	0.3	4.9
Aset asing bersih	-1.5	0.4
Bank Negara Malaysia	11.0	-18.3
Sistem perbankan	-12.4	18.7
Pengaruh lain	2.3	-19.8

¹ Mulai Januari 2014, kompilasi agregat monetari menggunakan data yang dikumpulkan berdasarkan taksonomi baru.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pengukuhan ringgit

Pada awalnya, nilai **ringgit** menyusut sebelum kembali kukuh bagi sebahagian besar tempoh antara Januari hingga Ogos 2014. Pada Januari, nilai ringgit serta kebanyakan mata wang serantau menyusut berbanding dolar AS. Ringgit telah diniagakan lebih rendah antara 0.3% dan 4.3% berbanding mata wang utama dan serantau tetapi meningkat 0.2% berbanding peso Filipina. Nilai ringgit susut 1.9% kepada RM3.3460 berbanding dolar AS setelah US Federal Reserve (Fed) mengulangi rancangannya untuk mengurangkan langkah rangsangan serta ekonomi China yang menyederhana telah mengurangkan permintaan pelabur bagi aset pasaran yang sedang pesat membangun.

Bagaimanapun, sejak Februari, nilai ringgit telah berada pada aliran yang meningkat. Dalam tempoh Februari hingga akhir Julai 2014, nilai ringgit naik 4.9% berbanding dolar AS, 6.9% berbanding euro, 5.4% berbanding yen dan 2.7% berbanding paun sterling. Ringgit juga mengukuh antara 0.5% dan 6.9% berbanding mata wang serantau kecuali dolar Australia dan rupiah Indonesia. Peningkatan prestasi

ringgit ini disokong oleh pertumbuhan KDNK bagi suku pertama dan kedua yang lebih baik daripada jangkaan berikutan aktiviti ekonomi domestik dan kadar eksport yang lebih kukuh serta jangkaan satu lagi kenaikan OPR setelah kenaikan pertama pada Julai. Pergerakan ringgit dalam tempoh tersebut juga disebabkan oleh prospek pertumbuhan serantau yang lebih baik dan jangkaan pengurangan pelonggaran kuantitatif yang lebih beransur-ansur oleh Fed telah mengekalkan minat pelabur dalam pasaran kewangan serantau.

Sementara itu, pada Ogos, nilai ringgit naik 1% berbanding dolar AS kepada RM3.1570. Ringgit juga meningkat berbanding mata wang utama lain dan mata wang serantau antara 0.5% dan 3.1%. Walau bagaimanapun, nilai ringgit lemah 0.1% berbanding won Korea. Prestasi ringgit adalah yang terbaik di kalangan 24 mata wang pasaran yang sedang pesat membangun berikutan

pertumbuhan KDNK suku kedua yang kukuh. Pada 28 Ogos 2014, nilai ringgit meningkat dan mencatat paras tertinggi baharu kepada RM3.1480 berbanding dolar AS.

Pada September, nilai ringgit menyusut 3.5% berbanding dolar AS dan mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang lain. Walau bagaimanapun, sejak awal tahun hingga akhir September 2014, ringgit menambah nilai 0.3% berbanding dolar AS, 9% berbanding euro, 4.5% berbanding yen dan 1.7% berbanding paun sterling. Ringgit juga naik berbanding kebanyakan mata wang serantau antara 0.1% dan 1.9%.

Perkembangan Sektor Kewangan

Prestasi Sistem Perbankan


Pinjaman tumbuh sederhana

Berlatarkan prestasi ekonomi yang kukuh, penunjuk pembiayaan sistem perbankan terus berkembang sederhana dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 dengan jumlah **pinjaman terkumpul** berkembang 8.6% kepada RM1,273 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 10.6%; RM1,225.7 bilion). Dalam tempoh yang sama, **pengeluaran pinjaman** meningkat 13% kepada RM601.2 bilion (Januari – Julai 2013: -3.3%; RM531.9 bilion). Sementara itu, **permohonan pinjaman** menurun 1.9% kepada RM462.7 bilion (Januari – Julai 2013: -1.8%; RM471.9 bilion) dan **kelulusan pinjaman** merosot 2.4% kepada RM222.5 bilion (Januari – Julai 2013: -2.7%; RM227.9 bilion).

Pinjaman kepada **perniagaan** juga menyederhana. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, kelulusan pinjaman kepada perniagaan berkurang 8.4% kepada RM82.5 bilion (Januari – Julai 2013: -23.2%; RM90.1 bilion), manakala permohonan pinjaman meningkat 2.5% kepada RM210.7 bilion (Januari – Julai 2013: 10%; RM205.4 bilion). Pengeluaran pinjaman kepada perniagaan

CARTA 5.2


Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.3

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman¹ (% perubahan tahunan)



meningkat 17.8% kepada RM424.5 bilion dan kebanyakannya untuk membiayai modal kerja (Januari – Julai 2013: -6.9%; RM360.3 bilion). Sektor pembuatan terus merangkumi bahagian terbesar daripada jumlah pengeluaran pinjaman pada 20.6%, diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel pada 20.4%. Secara keseluruhan, pada akhir Julai 2014, pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan meningkat 6.8% kepada RM467.6 bilion (akhir 2013: 8%; RM451.5 bilion).

Pembiayaan kepada **perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** juga menyederhana dengan permohonan pinjaman mencatat penurunan sebanyak 5.3% kepada RM105.2 bilion dan kelulusan pinjaman merosot 12.6% kepada RM37 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: -0.1%, RM111.1 bilion; -12.7%, RM42.4 bilion). Dalam tempoh yang sama, pengeluaran pinjaman pula meningkat 0.6%

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Julai

	RM bilion		Perubahan (%)	
	2013	2014	2013	2014
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	471.9	462.7	-1.8	-1.9
Kelulusan pinjaman	227.9	222.5	-2.7	-2.4
Pengeluaran pinjaman	531.9	601.2	-3.3	13.0
Pinjaman terkumpul ²	1,171.8	1,273.0	9.2	8.6
antaranya:				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	205.4	210.7	10.0	2.5
Kelulusan pinjaman	90.1	82.5	-23.2	-8.4
Pengeluaran pinjaman	360.3	424.5	-6.9	17.8
Pinjaman terkumpul ²	437.7	467.6	7.9	6.8
antaranya:				
PKS				
Permohonan pinjaman	111.1	105.2	-0.1	-5.3
Kelulusan pinjaman	42.4	37.0	-12.7	-12.6
Pengeluaran pinjaman	131.3	132.1	5.2	0.6
Pinjaman terkumpul ²	191.1	212.7	12.2	11.3
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	266.5	252.1	13.8	-5.4
Kelulusan pinjaman	137.9	140.1	17.8	1.6
Pengeluaran pinjaman	171.5	176.6	5.1	3.0
Pinjaman terkumpul ²	659.8	732.9	11.8	11.1

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Pada akhir tempoh.


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

kepada RM132.1 bilion (Januari – Julai 2013: 5.2%; RM131.3 bilion). Kebanyakan pinjaman PKS adalah kepada sektor aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan (27.3%) serta sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan

CARTA 5.4

Pengeluaran Pinjaman Mengikut Sektor Januari – Julai

(% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia.

hotel (24.8%). Jumlah pinjaman terkumpul PKS meningkat 11.3% kepada RM212.7 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 12.8%; RM198.1 bilion) dan mencakupi 45.5% daripada jumlah pinjaman perniagaan terkumpul (akhir 2013: 43.9%).

Selain daripada sistem perbankan, pembiayaan PKS juga diperoleh daripada lima **dana pusingan khas**² yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Daripada Januari hingga Julai 2014, pinjaman diluluskan kepada 1,859 PKS berjumlah RM724.4 juta (Januari – Julai 2013: 2,678 PKS; RM998.9 juta). Sejak penubuhan, dana ini telah memberi manfaat kepada 60,648 PKS melalui pembiayaan yang diluluskan bernilai RM25 bilion dengan kadar penggunaan purata sebanyak 68.8% (akhir Julai 2013: 57,057 PKS; RM23.6 bilion; 75.8%).

JADUAL 5.3

Pinjaman Terkumpul Mengikut Sektor (pada akhir tempoh)

	RM bilion		Bahagian (%)	
	2013	2014 Jul	2013	2014 Jul
Perniagaan	451.5	467.6	36.8	36.7
Syarikat besar ¹	253.4	254.8	20.7	20.0
PKS	198.1	212.7	16.2	16.7
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	31.6	31.6	2.6	2.5
Perlombongan dan kuari	7.9	8.0	0.6	0.6
Pembuatan	96.6	98.3	7.9	7.7
Bekalan elektrik, gas dan air	9.7	13.1	0.8	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	91.8	94.2	7.5	7.4
Pembinaan	49.7	52.5	4.1	4.1
Harta tanah	70.0	75.8	5.7	6.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	28.7	30.7	2.3	2.4
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	88.2	82.6	7.2	6.5
Isi rumah²	693.0	732.9	56.5	57.6
antaranya:				
Pembelian harta kediaman ³	325.4	348.8	26.6	27.4
Pembelian kereta penumpang ³	139.7	142.0	11.4	11.2
Kredit penggunaan ^{3,4}	92.4	92.0	7.5	7.2
antaranya:				
Kad kredit ³	34.7	33.5	2.8	2.6
Kegunaan persendirian ³	57.5	58.1	4.7	4.6
Sektor lain	81.1	72.5	6.6	5.7
Jumlah⁵	1,225.7	1,273.0	100.0	100.0

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Meliputi pinjaman kepada semua pelanggan (bukan isi rumah dan isi rumah).

³ Mencerminkan pinjaman kepada isi rumah sahaja.

⁴ Kredit penggunaan = Kad kredit + Kegunaan persendirian.

⁵ Jumlah = Perniagaan + Isi rumah + Sektor lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

² Tabung Untuk Makanan telah ditubuhkan pada tahun 1993; Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (2000); Tabung Usahawan Baru 2 (2001); Tabung Pembiayaan Mikro (2008); dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera – Islam (2009).

Perniagaan mikro terus mendapat bantuan pembiayaan daripada institusi kewangan yang terlibat di bawah Skim Pembiayaan Mikro sejak 2006. Skim ini menawarkan produk pembiayaan mikro secara konvensional atau berprinsip Islam menerusi lebih daripada 2,400 pusat akses di bawah institusi kewangan berkenaan. Permintaan terhadap **pembiayaan mikro** tetap teguh dengan RM185 juta telah diluluskan kepada 9,814 akaun perniagaan mikro dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: RM181.3 juta; 9,302 akaun perniagaan mikro). Pada akhir Julai 2014, jumlah pinjaman terkumpul di bawah skim ini bernilai RM859.8 juta daripada 66,736 akaun perniagaan mikro (akhir 2013: RM857 juta; 68,360 akaun perniagaan mikro).

Selain itu, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) terus menawarkan pembiayaan kepada usahawan mikro. Sehingga kini, AIM menyediakan tujuh jenis pembiayaan Islam kepada sahabatnya yang kian bertambah. Sehingga akhir Julai 2014, AIM mempunyai 347,640 sahabat berdaftar dan kira-kira 70% daripadanya berusia di antara 20 hingga 50 tahun. Sebahagian besar sahabat terlibat dengan sektor perniagaan (37%) diikuti sektor pelbagai (16.3%), sektor perumahan (14.4%) dan sektor pertanian (14.1%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, AIM telah meluluskan jumlah pembiayaan bernilai RM1.1 bilion kepada 205,744 sahabat (Januari – Julai 2013: RM1.1 bilion; 204,061 sahabat). Kadar pembayaran balik pembiayaan yang telah diberi kekal tinggi pada 98.7% dalam tempoh yang sama (Januari – Julai 2013: 98.5%). TEKUN Nasional pula telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM211.2 juta kepada 16,005 usahawan mikro (Januari – Julai 2013: RM368.5 juta; 29,668 usahawan mikro), dengan sebahagian besar daripada pembiayaan tersebut disalurkan kepada sektor perkhidmatan (48%) dan sektor peruncitan (36.4%). Secara keseluruhan, TEKUN Nasional telah memberikan pembiayaan bernilai RM3.2 bilion kepada 294,857 usahawan mikro, sejak penubuhannya pada 1998 sehingga akhir Julai 2014.

Pinjaman kepada **isi rumah** kekal aktif dengan pinjaman isi rumah terkumpul berkembang 11.1% kepada RM732.9 bilion dan merangkumi 57.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 12%; RM693 bilion; 56.5%). Daripada Januari hingga Julai 2014, permohonan pinjaman isi rumah menyusut 5.4% kepada RM252.1 bilion (Januari – Julai 2013: 13.8%; RM266.5 bilion), manakala kelulusan pinjaman isi rumah terus meningkat 1.6% kepada RM140.1 bilion (Januari – Julai 2013: 17.8%; RM137.9 bilion) dan pengeluaran pinjaman juga berkembang 3% kepada RM176.6 bilion (Januari – Julai 2013: 5.1%; RM171.5 bilion). Pengeluaran pinjaman kepada isi rumah adalah terutamanya untuk kredit penggunaan bernilai RM74.5 bilion atau 42.1% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada isi rumah pada tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: RM74 bilion; 43.1%). Pengeluaran pinjaman isi rumah tersebut diikuti dengan pinjaman pembelian harta kediaman berjumlah RM46.2 bilion atau 26.2% (Januari – Julai 2013: RM41.9 bilion; 24.4%).

Jumlah hutang isi rumah termasuk pinjaman terutamanya yang diberikan oleh sistem perbankan, IKP, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan institusi kredit lain, terus meningkat pada kadar paling perlahan sejak 2010, sebanyak 9.9% kepada RM904.3 bilion dan merangkumi 86.7% daripada KDNK nominal pada akhir Jun 2014 (akhir 2013: 11.5%; RM855.9 bilion; 86.7%). Bagaimanapun, risiko kepada kestabilan kewangan domestik kekal terkawal disokong oleh aset kewangan isi rumah yang lebih daripada mencukupi, keadaan pasaran buruh dan pertumbuhan pendapatan yang stabil. Aset kewangan isi rumah terus meningkat 8.1% kepada RM1,996.9 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 11.1%; RM1,902.6 bilion). Dalam tempoh yang sama, aset kewangan isi rumah menyumbang lebih dua kali ganda daripada hutang isi rumah. Komposisi kedua-dua aset kewangan dan hutang secara amnya tidak berubah. Daripada jumlah aset kewangan, 41.6%

adalah berbentuk deposit dan instrumen mirip deposit. Nisbah deposit dan instrumen mirip deposit kepada hutang isi rumah kekal stabil pada 91.8%. Ketersediaan aset cair memberi fleksibiliti kepada isi rumah untuk bertahan sementara dalam menghadapi kejutan pendapatan seterusnya menjamin keupayaan pembayaran balik hutang mereka. Pada akhir Julai 2014, nisbah pinjaman isi rumah terjejas bersih bertambah baik kepada 1.2% daripada jumlah pinjaman isi rumah dalam sistem perbankan (akhir 2013: 1.3%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, penggunaan **kad kredit** berkembang 3.5% kepada 200.2 juta transaksi dan jumlah urus niaga meningkat 5.9% kepada RM60.2 bilion (Januari – Julai 2013: 5.9%, 193.4 juta transaksi; 5.9%, RM56.9 bilion). Sebahagian besar daripada urus niaga tersebut adalah untuk pembelian tempatan dan pembelian dari luar negeri yang mencakupi 97.7%, manakala selebihnya digunakan untuk pendahuluan tunai. Hutang kad kredit meningkat 2.5% kepada RM34.4 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 4.3%; RM35.5 bilion). Sementara itu, dalam tempoh yang sama, baki terkumpul hutang kad kredit daripada jumlah hutang isi rumah berkurang daripada 5.1% kepada 4.7%, manakala baki terkumpul hutang kad kredit daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan merosot daripada 2.9% kepada 2.7% berbanding dengan akhir Julai 2013. Nisbah pinjaman terjejas kad kredit bertambah baik kepada 1.2% pada akhir Julai 2014 (akhir Julai 2013: 1.3%).

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terus mempromosikan celik kewangan dan pengurusan kewangan kepada pengguna serta peminjam menerusi kaunseling, Program Pengurusan Hutang (DMP) dan pendidikan kewangan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, AKPK telah memberi kaunseling kredit berjumlah 31,937 kes dan 11,317 atau 35.4% daripadanya telah memberi komitmen terhadap DMP (Januari – Julai 2013: 21,337 kes; 9,550

kes; 44.8%). Kes hutang berkaitan kad kredit yang diuruskan oleh AKPK meningkat kepada 8,053 kes dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 6,958 kes), dan mencakupi 71.2% daripada jumlah kes di bawah DMP dengan jumlah nilai hutang sebanyak RM521.4 juta (Januari – Julai 2013: 72.9%; RM420.9 juta). Pada akhir Julai 2014, AKPK telah memberi kaunseling kredit berjumlah 280,428 kes dan 112,188 kes atau 40% daripadanya telah memberi komitmen terhadap DMP. Sementara itu, 192,842 peserta telah mengambil bahagian dalam program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)³, sejak ianya dilancarkan pada 2011.

Skop perkhidmatan pengurusan hutang oleh AKPK telah diperluaskan pada 2013 kepada peminjam daripada pemberi pinjaman bukan bank seperti Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan koperasi kredit selain daripada institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM. AKPK terus menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menyediakan pendidikan kewangan yang bersepadu dalam kurikulum persekolahan, bermula dengan penggabungan progresif bagi pelajaran bertemakan pendidikan kewangan meliputi pengurusan wang asas, perbelanjaan dan simpanan, kredit dan hutang, e-pembayaran, pengurusan risiko kewangan dan tanggungjawab pengguna mulai 2014. Berdasarkan kejayaan pelaksanaan program POWER!, AKPK meluaskan inisiatif melalui penyediaan program sasaran kepada golongan dewasa yang bekerja, menerusi jalinan kerjasama awam – swasta termasuk agensi seperti AIM, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Polis DiRaja Malaysia dan Tentera Laut DiRaja Malaysia.

Sistem perbankan kekal teguh

Sistem perbankan kekal mempunyai permodalan yang kukuh di bawah pelaksanaan rangka kerja kecukupan modal Basel III. Pada akhir Julai 2014, tahap nisbah modal CET1 mencatat 12.4%,

³ Program yang direka khas untuk golongan muda dan peminjam kali pertama dengan tujuan meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan secara efektif.

nisbah modal kumpulan 1 (13.2%) dan nisbah jumlah modal kepada sistem perbankan (15.1%) (akhir 2013: 12.6%; 13.5%; 14.9%) melebihi tahap pengawalseliaan minimum. Penampunan modal yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum kekal tinggi, iaitu lebih RM91 bilion (akhir 2013: RM79 bilion). Kedudukan mudah tunai kekal berlebihan dengan bank-bank mengekalkan penampunan mudah tunai yang kukuh serta simpanan besar yang melebihi RM124 bilion dengan BNM, bagi memenuhi keperluan mudah tunai (akhir 2013: RM135 bilion). Sistem perbankan juga mencatatkan unjuran lebih mudah tunai sebanyak 14.9% daripada jumlah deposit untuk keperluan mudah tunai yang matang dalam tempoh satu minggu (akhir 2013: 14.7%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, keuntungan sebelum cukai bagi sistem perbankan meningkat 16.1% kepada RM18.9 bilion (Januari – Julai 2013: -5.1%; RM16.3

bilion), terutamanya disumbangkan oleh hasil daripada aktiviti pembiayaan dan perkhidmatan berasaskan fi. Kualiti pinjaman dalam sistem perbankan kekal stabil dengan nisbah pinjaman terjejas bersih pada kadar 1.3% daripada pinjaman bersih pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 1.3%), manakala nisbah keseluruhan perlindungan kerugian pinjaman kekal melebihi 100%.


Integrasi kewangan dan kesalinghubungan dengan ekonomi serantau dan antarabangsa terus meningkat. Kehadiran bank asing yang ketara dalam sektor perbankan, mencakupi 23.7% daripada aset sektor perbankan pada Julai 2014. Sehingga kini, terdapat 19 bank asing diperbadankan yang beroperasi di Malaysia daripada jumlah keseluruhan 39 bank perdagangan dan bank pelaburan. Kemajuan integrasi kewangan serantau diteruskan dengan Rangka Kerja Integrasi Perbankan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) (ABIF) berada pada peringkat terakhir sebelum dimuktamadkan. Pembentukan satu set prinsip oleh anggota negara ASEAN untuk mengenalpasti kumpulan bank ASEAN yang layak akan menerajui proses integrasi perbankan dalam rantau ASEAN. Pembentukan prinsip ini dijangka akan meningkatkan kehadiran bank tempatan negara ASEAN di Malaysia, sebagaimana bank Malaysia terus mengukuhkan kehadiran mereka di ASEAN. Sebanyak enam kumpulan perbankan domestik beroperasi di 22 negara seluruh dunia termasuk semua negara ASEAN.

Pembiayaan IKP kepada sektor sasaran meningkat

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, **IKP** terus memberi pembiayaan kewangan untuk menyokong sektor ekonomi yang disasarkan termasuk sektor pertanian, infrastruktur, PKS dan eksport. Pada akhir Julai 2014, jumlah pembiayaan terkumpul IKP meningkat 8.4% kepada RM126.1 bilion (akhir 2013: 8.1%; RM120 bilion) terutamanya didorong oleh pembiayaan yang lebih tinggi untuk menyokong perniagaan berteraskan eksport dan usaha niaga rentas sempadan, kredit penggunaan dan sektor pembinaan. Pembiayaan kepada perniagaan berteraskan eksport dan

CARTA 5.5

Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (pada akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2014.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

usaha niaga rentas sempadan berkembang 67.8% kepada RM8.8 bilion dalam tempoh yang sama (akhir 2013: 46.8%; RM6.4 bilion) mencerminkan pembiayaan yang lebih tinggi diberikan untuk aktiviti pelaburan syarikat Malaysia dalam sektor pembinaan, pembangunan hartanah dan utiliti di pasaran luar negara.

Sementara itu, kredit penggunaan yang sebahagian besarnya diberikan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) telah merekodkan peningkatan 5.9% kepada RM64.4 bilion (akhir 2013: 8.1%; RM62.1 bilion). Pinjaman kepada sektor pembinaan bertambah 43.6% kepada RM13.3 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 11.2%; RM9.9 bilion) terutamanya diberi oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad bagi

pembinaan universiti awam dan kampus politeknik di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI) serta pembinaan jalan raya dan lebuh raya. Jumlah pinjaman terkumpul PKS yang diberikan oleh IKP adalah sebanyak RM13.6 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: RM13.3 bilion) terutamanya kepada sektor pembinaan, pertanian primer serta pengangkutan dan komunikasi.

Pembiayaan peribadi oleh Bank Rakyat dan BSN terus meningkat namun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.3% kepada RM60 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 8.6%; RM58.1 bilion). Pertumbuhan pembiayaan yang lebih rendah sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan langkah kehematan makro bagi mengekang hutang isi rumah yang terlalu tinggi, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan daya tahan sektor isi rumah. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, kelulusan pinjaman peribadi juga berkurang dengan mendadak pada RM8 bilion, manakala pengeluaran pinjaman peribadi pada RM6.8 bilion (Januari – Julai 2013: RM17.1 bilion; RM15.6 bilion). Meskipun peningkatan pinjaman peribadi lebih rendah, langkah ini telah mengukuhkan pengunderaitan dan standard pengurusan risiko IKP. Permintaan pembiayaan peribadi dijangka mampan pada masa akan datang disokong oleh jangkaan guna tenaga yang menggalakkan dan paras pendapatan yang lebih tinggi.

Antara perkembangan penting IKP dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 ialah penerbitan garis panduan amalan berhemat dan pelaksanaan inisiatif untuk menambah keupayaan institusi dalam meningkatkan prestasi IKP. Menyedari kepentingan pengurusan risiko operasi yang teguh bagi semua aktiviti, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan termasuk IKP, kertas konsep Pengurusan Risiko Operasi telah dikeluarkan oleh BNM pada 27 Jun 2014. Kertas konsep ini menggariskan prinsip utama rangka kerja pengurusan risiko operasi yang teguh dan amalan untuk diterima pakai oleh institusi kewangan bagi meningkatkan prestasi keseluruhan.

JADUAL 5.4

**Institusi Kewangan Pembangunan¹:
Haluan Pinjaman Mengikut Sektor
(pada akhir tempoh)**

	RM bilion		Bahagian kepada Jumlah (%)	
	2013	2014 Jul	2013	2014 Jul
Pertanian primer	6.8	7.6	5.7	6.0
Pembuatan	4.8	5.5	4.0	4.4
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	3.1	3.3	2.6	2.6
Pembinaan	9.9	13.3	8.2	10.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	12.3	9.5	10.2	7.5
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	3.6	4.1	3.0	3.2
Lain-lain	79.6	82.9	66.3	65.7
Jumlah	120.0	126.1	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Eksport-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia (Agrobank) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Langkah penting juga diambil untuk memperluas jangkauan perkhidmatan kewangan kepada golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dengan BSN memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif ini. Ejen perbankan yang diperkenalkan oleh BSN pada Januari 2012 telah menggunakan saluran runcit bukan bank untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan bagi pihaknya. Sehingga kini, terdapat 5,133 ejen telah dilantik oleh BSN (akhir 2013: 5,014 ejen), merangkumi 91.8% daripada jumlah ejen bank seluruh negara (selebihnya dilantik oleh Maybank Berhad dan RHB Bank Berhad). Urus niaga yang dibuat menerusi ejen tersebut berjumlah 23 juta dengan nilai sebanyak RM1.9 bilion. Inisiatif BSN ini telah memberi kesan ketara kepada perkembangan perkhidmatan kewangan di seluruh negara dengan semua daerah di bawah kawasan pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri kini mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan asas.

Selain itu, skim pembiayaan baharu Bank Rakyat iaitu skim Pembiayaan Mikro-i Bazar Ramadan telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 5 Jun 2014. Dengan bermodalkan saiz dana sebanyak RM45 juta, skim ini bertujuan untuk menyediakan modal kepada peniaga dan penjaja kecil bagi memulakan perniagaan kecil, terutamanya yang beroperasi di bazar Ramadan dalam bulan puasa. Pemohon yang layak boleh mendapatkan pinjaman kredit mikro tanpa faedah sehingga maksimum RM3,000. Pembiayaan telah diluluskan sebelum bulan Ramadan dan penyelesaian penuh pinjaman berkuat kuasa dalam tempoh dua bulan selepas pengeluaran pembiayaan.

Daya tahan industri insurans kekal utuh

Industri insurans kekal berdaya tahan dengan permodalan yang kukuh dan keuntungan yang lebih tinggi dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. Nisbah kecukupan modal bagi industri ini adalah lebih tinggi, iaitu 250.4% (akhir 2013: 246.1%), disokong oleh rizab yang stabil. Penampunan modal melebihi paras keperluan minimum juga telah meningkat kepada RM24.2 bilion.

JADUAL 5.5

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	2013	2014 Jan – Jul
Insurans Hayat (RM juta)		
Perniagaan baharu		
Bilangan polisi (unit)	13,614,088	13,059,065 ³
Jumlah diinsuranskan	528,639.9	405,204.0 ³
Jumlah premium	8,570.2	4,669.4 ³
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi (unit)	19,535,286	20,218,824 ⁴
Jumlah diinsuranskan	1,273,970.1	1,332,895.8 ⁴
Premium tahunan	25,139.1	25,878.3 ⁴
Pendapatan premium	26,458.1	15,894.7
Bayaran manfaat	16,357.7	9,795.1
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan premium		
Premium langsung kasar	15,911.0	10,283.1
Premium bersih	10,808.6	7,607.1
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	1,212.6	485.3
Nisbah bendungan¹ (%)	73.6	74.0
Bilangan syarikat insurans²		
Langsung	32	32
Hayat	9	9
Am	18	18
Komposit	5	5
Insurans semula	7	7
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Bahagian premium yang dikekalkan dalam negara.

² Pada akhir tempoh.


³ Termasuk data bagi syarikat insurans semula.

⁴ Pada akhir Jun 2014. Data dikemas kini setiap suku tahunan.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.6

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am (pada akhir Julai 2014) (% bahagian)



¹ Pelaburan lain = Pinjaman jaminan Kerajaan + pelaburan hartanah + lain-lain.

² Aset lain = Hartanah, loji dan kelengkapan + aset asing + lain-lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dalam tempoh Januari hingga Julai 2014, keuntungan sektor **insurans hayat** meningkat kepada RM8.2 bilion (Januari – Julai 2013: RM6.8 bilion), disokong oleh perolehan modal bersih dan pendapatan premium bersih yang lebih tinggi. Tuntutan hayat meningkat 10.2% kepada RM9.8 bilion (Januari – Julai 2013: 6.1%; RM8.9 bilion) disebabkan oleh faedah yang dibayar ke atas polisi matang dan tuntutan perubatan yang lebih tinggi. Premium perniagaan baharu bagi syarikat insurans hayat mengalami sedikit penurunan, iaitu 0.6% kepada RM4.7 bilion (Januari – Julai 2013: -0.9%; RM4.7 bilion) disebabkan oleh premium insurans hayat biasa menyusut 0.1%. Kadar penembusan pasaran bagi insurans hayat meningkat sedikit kepada 41.2% pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 41%).

Sementara itu, keuntungan operasi bagi sektor **insurans am** berada pada RM1.3 bilion (Januari – Julai 2013: RM2.8 bilion). Premium langsung kasar meningkat 5.3% (Januari – Julai 2013:

7%) disumbang oleh kenaikan dalam perniagaan motor dan kebakaran. Perniagaan motor kekal sebagai penyumbang terbesar (46%) daripada jumlah premium langsung kasar. Nisbah tuntutan meningkat 58.3% (akhir 2013: 57.4%), dengan penambahbaikan direkodkan dalam semua kelas perniagaan. Nisbah tuntutan keseluruhan bagi perniagaan motor pula kekal stabil pada kadar purata 75.2%. Tuntutan yang lebih tinggi daripada perniagaan insurans liabiliti motor kecederaan anggota pihak ketiga terus memberi kesan yang besar kepada keuntungan keseluruhan perniagaan motor.

Aset dana insurans terus berkembang 7.9% kepada RM215.3 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 7.1%; RM212.6 bilion). Pengagihan aset ini bertumpu kepada sekuriti hutang swasta (PDS) yang membentuk sebahagian besar daripada aset syarikat insurans hayat, iaitu 43.5% dan diikuti oleh pelaburan ekuiti sebanyak 21.5%. Aset sektor insurans hayat kekal

sebagai penyumbang terbesar (86.6%) daripada keseluruhan aset industri (Januari – Julai 2013: 86.7%). Komposisi portfolio pegangan aset bagi syarikat insurans am secara keseluruhannya kekal tidak berubah.

Prestasi Pasaran Modal

Penjanaan dana kekal cergas

Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat semula 8.8% kepada RM119.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: -28.4%; RM109.7 bilion). Peningkatan ini didorong oleh aktiviti perolehan dana yang lebih dalam sektor swasta. Dana kasar yang diperoleh oleh sektor awam menurun 8.2% kepada RM56.7 bilion (Januari – Julai 2013: -0.4%; RM61.8 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sukuk Perumahan Kerajaan. Walau bagaimanapun, dana kasar yang diperoleh oleh sektor swasta meningkat dengan ketara sebanyak 30.8% kepada RM62.7 bilion (Januari – Julai 2013: -47.4%; RM47.9 bilion). Dana yang diperoleh sebahagian besarnya daripada sektor pembinaan serta sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berjumlah RM37.3 bilion atau 77.6% daripada terbitan PDS baharu. Dana ini digunakan terutamanya untuk pembiayaan projek, modal kerja dan tujuan korporat am.

Setelah mengambil kira penebusan rendah bagi sektor awam dan swasta, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 95.7% kepada RM65.8 bilion (Januari – Julai 2013: -63.2%; RM33.6 bilion). Sebahagian besar dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta berjumlah RM33.1 bilion (Januari – Julai 2013: RM15.7 bilion) dengan baki RM32.6 bilion dijana oleh sektor awam (Januari – Julai 2013: RM17.9 bilion). Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh meningkat semula 73.3% kepada RM14.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama

JADUAL 5.6

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari – Julai

	RM juta	
	2013	2014
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	34,059	29,423
Bon Khazanah	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	26,027	20,665
Sukuk Perumahan Kerajaan	1,700	6,600
Terbitan baru sekuriti hutang	61,785	56,689
Tolak: Penebusan	43,861	24,043
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam	17,924	32,646
Sektor Swasta		
Saham¹ / Waran		
Tawaran awam awal	3,349	4,930
Terbitan hak	5,094	9,714
Penerbitan persendirian / Tawaran jualan secara terhad	-	-
Terbitan khas	-	-
Waran	13	6
Terbitan baru saham / waran	8,456	14,651
Sekuriti hutang		
Bon biasa	1,257	2,608
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	5,537	7,377
Bon bersandarkan aset	-	-
Bon dengan waran	-	-
Nota jangka sederhana	32,673	38,024
Bon Cagamas	-	-
Terbitan baru sekuriti hutang	39,466	48,008
Tolak: Penebusan	32,232	29,535
Terbitan bersih sekuriti hutang	7,234	18,473
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta	15,690	33,124
Jumlah dana bersih diperoleh	33,614	65,770

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan. Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.7


PDS¹ Baharu Mengikut Sektor Januari – Julai

	RM juta		Bahagian kepada Jumlah (%)	
	2013	2014	2013	2014
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,239	32	3.1	0.1
Perlombongan dan kuari	-	12	-	0.0
Pembuatan	945	450	2.4	0.9
Pembinaan	2,390	10,774	6.1	22.4
Elektrik, gas dan air	9,783	3,763	24.8	7.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,300	1,490	3.3	3.1
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	19,946	26,491	50.5	55.2
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	3,809	4,530	9.7	9.4
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	55	467	0.1	1.0
Jumlah	39,467	48,008	100.0	100.0

¹ Termasuk PDS yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.7


Kadar Hasil Indikatorif Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)¹

¹ Akhir tempoh.

² Akhir Julai 2014.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.8

Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah SKM Berkumpul¹

¹ Akhir tempoh.


² Akhir Julai 2014.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

2014 (Januari – Julai 2013: -58.2%; RM8.5 bilion). Peningkatan ini disokong oleh tawaran awam awal (IPO) yang lebih tinggi pada RM4.9 bilion dan terbitan hak bernilai RM9.7 bilion (Januari – Julai 2013: RM3.3 bilion; RM5.1 bilion). Aktiviti penajaan dana kekal kukuh, didorong oleh pelaksanaan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-sepuluh (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Kadar hasil SKM pada awalnya meningkat pada Januari disebabkan oleh pengaliran keluar dana portfolio asing daripada aset pasaran yang sedang pesat membangun berikutan ketidakpastian kadar

CARTA 5.9

Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (PDS) 5-Tahun¹

¹ Akhir tempoh.

² Akhir Julai 2014.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

pengurangan dasar monetari yang akomodatif oleh Fed dan kebimbangan pertumbuhan di China. Seterusnya, kadar hasil kekal stabil berikutan penunjuk yang diberikan oleh Fed bahawa pengecilan skala program pembelian asetnya akan berterusan seperti dijangka. Pada Mei, kadar hasil SKM bagi jangka pendek dan jangka sederhana mula meningkat secara beransur-ansur didorong oleh jangkaan pasaran mengenai kenaikan kadar dasar oleh BNM. Peningkatan kadar hasil, bagaimanapun, diimbangi oleh permintaan yang mapan bagi aset kewangan domestik oleh bukan pemastautin, disokong oleh sentimen yang positif terhadap data ekonomi domestik yang lebih baik daripada jangkaan. Secara keseluruhan, dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, kadar hasil SKM 3-tahun mencatat peningkatan sebanyak 14 mata asas dan kadar hasil SKM 5-tahun naik 0.4 mata asas (Januari – Julai 2013: 42 mata asas; 44 mata asas), manakala kadar hasil SKM 10-tahun mencatat penurunan sebanyak 25 mata asas (Januari – Julai 2013: 60 mata asas). Pegangan asing dalam SKM berjumlah RM154 bilion, merangkumi 48.4% daripada jumlah SKM terkumpul pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: RM137.1 bilion; 44.9%). Selain itu, dalam pasaran PDS, kadar hasil bagi sekuriti hutang PDS 5-tahun bertaraf AAA meningkat 26 mata asas dan AA, 18 mata asas, manakala kadar hasil bagi sekuriti hutang PDS bertaraf A jatuh 5 mata asas (Januari – Julai 2013: 7 mata asas; 2 mata asas; 5 mata asas).

Daripada Januari hingga Julai 2014, spread kredit PDS (kadar hasil PDS tolak kadar hasil SKM) bagi sekuriti hutang dengan penarafan lebih tinggi melebar disebabkan oleh peningkatan kadar hasil PDS bertaraf AAA dan AA adalah lebih tinggi daripada kadar hasil SKM. Dalam tempoh tersebut, spread kredit PDS 5-tahun bagi sekuriti hutang bertaraf AAA melebar sebanyak 26 mata asas dan AA, 18 mata asas (Januari – Julai 2013: -36 mata asas; -41 mata asas). Spread tempoh matang SKM (kadar hasil SKM 10-tahun tolak kadar hasil SKM 1-tahun) mengecil sebanyak 43 mata asas (Januari – Julai 2013: 50 mata asas).

Prestasi FBM KLCI dipengaruhi oleh faktor luaran

Pasaran ekuiti menunjukkan prestasi yang agak baik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 meskipun persekitaran luaran yang mencabar. Indeks Komposit Kuala Lumpur Financial Times Stock Exchange (FTSE) Bursa Malaysia (FBM KLCI) memulakan 2014 dengan sentimen pelabur yang terjejas berikutan kerugian di pasaran serantau disebabkan oleh data ekonomi yang lemah di China dan AS. Namun, pasaran kembali pulih pada Februari berikutan komen daripada Pengerusi Fed yang baharu bahawa

JADUAL 5.8

Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih Januari – Julai

	2013	2014
Indeks¹		
FBM KLCI	1,772.6	1,871.4
FBMEMAS	12,331.4	13,085.7
FBM 100	12,085.0	12,651.6
FBM SCAP	14,880.1	19,066.4
FBM-ACE	4,999.0	7,044.6
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	204,327.4	281,908.8
Nilai (RM juta)	296,974.3	309,892.6
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	1,355.3	1,904.6
Nilai (RM juta)	1,985.5	2,067.6
Permodalan pasaran¹ (RM bilion)	1,611.1	1,783.7
Bilangan syarikat disenaraikan¹		
Pasaran Utama	802	799
Pasaran ACE	110	108
Kecairan pasaran¹		
Nilai urus niaga / permodalan pasaran (%)	17.8	16.5
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi / permodalan pasaran (%)	34.7	34.1


¹ Pada akhir tempoh.

² Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan terus.

Sumber: Bursa Malaysia.

CARTA 5.10


Prestasi Bursa Malaysia

¹ Akhir tempoh.² Akhir Ogos 2014.

Sumber: Bursa Malaysia.


CARTA 5.11

Prestasi Pasaran Saham Terpilih



Sumber: Bloomberg.

CARTA 5.12

Bursa Malaysia: Permodalan Pasaran¹, Halaju dan Volatiliti¹ Akhir tempoh.² Januari — Julai 2014.

Sumber: Bursa Malaysia.

dasar monetari AS akan kekal akomodatif, manakala had hutang AS dilanjutkan setahun lagi. Bagaimanapun, FBM KLCI telah mengalami kejatuhan mendadak pada Mac seiring dengan pasaran lain, berikutan keadaan persekitaran luaran yang membimbangkan disebabkan oleh ketegangan geopolitik yang semakin meningkat antara Rusia dan Ukraine serta data ekonomi China yang lebih lemah daripada jangkaan. Seterusnya, sentimen pasaran bertambah baik dalam minggu terakhir Mac dibantu oleh pasaran luar yang kukuh berikutan referendum aman oleh Crimea untuk menyertai Rusia, sekatan ekonomi yang menyederhana oleh AS dan Kesatuan Eropah ke atas Rusia serta data dagangan AS yang lebih baik. Oleh itu, FBM KLCI mengakhiri suku pertama pada 1,849.21 mata (akhir Disember 2013: 1,866.96 mata).

Keuntungan pasaran saham meningkat pada April berikutan jaminan daripada Fed bagi menyokong ekonomi AS serta pelaksanaan pelan rangsangan ekonomi China untuk menggalakkan pertumbuhan negara. FBM KLCI mencecah rekod tertinggi, iaitu 1,887.07 mata pada 19 Mei 2014 disebabkan oleh pertumbuhan KDNK suku pertama Malaysia yang kukuh berserta data ekonomi AS yang positif. Walau bagaimanapun, pasaran menyusut pada minggu terakhir bulan tersebut kerana dipengaruhi oleh sentimen pelabur serantau yang lemah. Pengaruh tersebut termasuk kebimbangan terhadap pengenaan undang-undang tentera di Thailand, pergolakan dan rusuhan anti-China di selatan Viet Nam dan pilihan raya pemilihan presiden pada Julai di Indonesia. Pasaran meningkat lebih tinggi pada Jun, mengikut kenaikan di pasaran saham AS selepas Fed mengulangi komitmennya untuk mengekalkan kadar faedah yang rendah bagi jangka waktu yang panjang. Seterusnya, FBM KLCI mencecah paras tertinggi baharu sebanyak 1,892.33 mata pada 24 Jun 2014. Walau bagaimanapun, peningkatan aliran telah disekat pada akhir bulan tersebut berikutan pergolakan geopolitik di Iraq yang semakin membimbangkan dan semakan semula pertumbuhan ekonomi AS yang lebih rendah. FBM KLCI ditutup pada 1,882.71 mata pada akhir Jun 2014 (akhir Jun 2013: 1,773.54 mata).

FBM KLCI mencecah satu lagi rekod tertinggi, iaitu 1,892.65 mata pada 8 Julai 2014 bagi tempoh 1 Julai hingga akhir Ogos 2014, berikutan keyakinan terhadap kenaikan unjuran pertumbuhan ekonomi global oleh IMF. Pasaran ditutup rendah pada bulan tersebut sebahagiannya disebabkan oleh keyakinan pelabur yang terjejas berikutan tragedi pesawat Malaysia Airlines MH17 serta serangan darat Israel di Gaza. Pada akhir Julai 2014, FBM KLCI berkurang kepada 1,871.36 mata (akhir Julai 2013: 1,772.62 mata). Pasaran saham kembali menyusut dan terus mencatat paras yang lebih rendah pada Ogos disebabkan oleh ketegangan geopolitik yang berterusan di Ukraine, perolehan korporat pada suku kedua yang rendah serta harga minyak sawit mentah (CPO) yang lemah. Sejak awal tahun hingga akhir Ogos 2014, FBM KLCI menyaksikan peningkatan sebanyak 138.53 mata atau 8% dan berada pada 1,866.11 mata (akhir Ogos 2013: 81.47 mata; 5%; 1,727.58 mata).

Pada September 2014, FBM KLCI terus jatuh berikutan kekurangan penunjuk pasaran yang positif dan dagangan serantau yang tidak aktif. Pasaran merudum disebabkan oleh data dagangan domestik yang tidak memberangsangkan, pengeluaran perindustrian yang lemah daripada jangkaan, perolehan korporat yang lemah ditambah pula dengan kebimbangan terhadap kenaikan kadar faedah AS dan tekanan risiko geopolitik yang tinggi berikutan serangan udara AS di Iraq dan Syria. FBM KLCI ditutup pada 1,846.31 mata pada akhir September 2014 (akhir September 2013: 1,768.62 mata).

Sementara itu, nilai permodalan pasaran meningkat 10.7% kepada RM1,783.7 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir Julai 2013: 13.2%; RM1,611.1 bilion). Jumlah urus niaga pasaran juga bertambah 38% kepada 281.9 bilion unit dalam tempoh yang sama (Januari – Julai 2013: -8%; 204.3 bilion unit). Jumlah nilai urus niaga pasaran pula naik 4.4% kepada RM309.9 bilion (Januari – Julai 2013: 18%; RM297 bilion). Halaju pasaran merosot 30% dan volatiliti pasaran turun sebanyak

4.5% (akhir Julai 2013: 32%; 7.2%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, sebanyak 10 syarikat baharu telah disenaraikan di pasaran dan menjadikan jumlah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia kepada 907 (akhir 2013: 911 syarikat).

Pada 5 Mac 2014, acara Permulaan Insentif Belia Skim Persaraan Swasta (PRS) dilancarkan untuk menggalakkan kepentingan mencarum daripada usia muda di kalangan belia bagi memastikan simpanan yang mencukupi selepas persaraan. Dalam tempoh enam bulan pertama 2014, Pentadbir Pencen Swasta (PPA) dan Penyedia PRS telah menjalankan 50 seminar dan jerayawara kepada 53,730 orang untuk meningkatkan lagi kesedaran pelabur mengenai PRS. Dalam tempoh yang sama, PPA juga mengadakan Ceramah Persembahan Korporat & Pendidikan kepada 43 institusi. Pada akhir Jun 2014, terdapat 86,915 ahli dengan jumlah nilai aset bersih (NAV) kira-kira RM418 juta.

Di peringkat serantau, Bursa ASEAN telah mengumumkan pengembangan Siri Indeks FTSE ASEAN pada 29 Mei 2014, termasuk satu rangkaian indeks komprehensif yang diperluas meliputi pasaran ekuiti ASEAN yang semakin berkembang. Tiga indeks ASEAN baharu yang boleh diniagakan adalah Indeks FTSE ASEAN All-Share, Indeks FTSE ASEAN Stars dan Indeks FTSE ASEAN All Share Ex-Developed. Dengan kemasukan konstituen dari Viet Nam dalam Siri Indeks FTSE ASEAN, pengembangan siri indeks yang baharu akan terus meningkatkan penampilan dan ketelusan ASEAN serta mewujudkan kumpulan stok yang lebih besar untuk semua pasaran ASEAN. Pewujudan indeks tersebut akan menjadi asas ke arah membentuk penanda aras indeks yang lebih luas, indeks sektor yang lebih bermakna dan produk baharu berteraskan ASEAN, yang akan membawa lebih peluang boleh niaga di ASEAN bagi pelabur dan meningkatkan mudah tunai di kalangan bursa.

Pada 25 Ogos 2014, Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) telah mengumumkan bahawa Rangka Kerja ASEAN bagi penawaran rentas

sempadan skim pelaburan kolektif (CIS) kini beroperasi di Malaysia, Singapura dan Thailand. Dalam rangka kerja ini, pengurus dana yang berkelayakan di Malaysia kini mempunyai peluang untuk menawarkan produk mereka secara langsung kepada pelabur di Singapura dan Thailand. Sejajar dengan itu, pelabur Malaysia akan mendapat manfaat daripada pelbagai jenis produk pelaburan yang akan disediakan.

Seterusnya, pada 26 Ogos 2014, Bursa Malaysia Berhad memperkenalkan perkhidmatan ASEAN Post Trade kepada peserta organisasi dalam dagangan keluar (bukan dalam Bursa Malaysia Securities) yang dilaksanakan dalam bursa saham ASEAN yang kini menyertai Rangkaian Dagangan ASEAN. Perkhidmatan ASEAN Post Trade yang ditawarkan oleh Bursa Malaysia akan memudahkan penjelasan dan penyelesaian untuk dagangan keluar dilaksanakan dalam bursa masing-masing termasuk penyimpanan sekuriti yang didagangkan dalam bursa-bursa yang menyertai Rangkaian Dagangan ASEAN. Bursa Malaysia akan menjadi titik hubungan tunggal bagi penjelasan, penyelesaian dan penjagaan sekuriti asing berkaitan dengan dagangan keluar mereka yang dilaksanakan dalam mana-mana Bursa Saham ASEAN yang mengambil bahagian. Inisiatif ini akan memendekkan masa menerima pengumuman rentas sempadan mengenai tindakan dan hak korporat.

Niaga hadapan CPO meneraju pasaran derivatif

Pasaran derivatif mencatat pertumbuhan dagangan sebanyak 6.4% kepada 6.7 juta kontrak dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 20.2%; 6.3 juta kontrak). Perolehan didominasi oleh niaga hadapan CPO (FCPO) mencakupi 80.3% daripada jumlah keseluruhan dagangan, diikuti oleh niaga hadapan FBM KLCI (FKLI) sebanyak 18.4%, manakala dagangan instrumen derivatif lain seperti niaga hadapan emas (FGLD) dan niaga hadapan 3-Bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (FKB3) hanya memberi sumbangan kecil. Niaga hadapan

SKM 3-tahun dan 5-tahun, niaga hadapan minyak isirong sawit mentah, niaga hadapan CPO dolar AS dan niaga hadapan saham tunggal tidak diniagakan dalam tempoh tersebut. Jumlah dagangan bagi FCPO melonjak 14.9% kepada 5.4 juta kontrak dalam tempoh Januari hingga Julai 2014 (Januari – Julai 2013: 20.7%; 4.7 juta kontrak), bersamaan dengan 10.7 juta tan metrik CPO (Januari – Julai 2013: 10.1 juta tan metrik). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan FKLI merosot 23% kepada 1.2 juta kontrak (Januari – Julai 2013: 20.7%; 1.6 juta kontrak), disebabkan oleh pengurangan volatiliti dalam indeks asas.

Prestasi opsyen bagi FKLI (OKLI) merosot dengan 1,976 kontrak diniagakan pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 5,311 kontrak). Dagangan opsyen bagi FCPO (OCPO) juga mencatat penurunan ketara kepada 265 kontrak dalam tempoh yang sama (akhir 2013: 2,520 kontrak). Dagangan dalam pasaran opsyen kekal rendah disebabkan kurangnya pemahaman mengenai opsyen dalam pasaran Malaysia. Oleh itu, Bursa Malaysia Derivatives Berhad (BMD) telah melancarkan beberapa siri program kesedaran serta pendidikan termasuk kelas dan bengkel mengenai pasaran opsyen untuk memberi penekanan mengenai faedah dagangan OKLI dan OCPO serta peluang baharu yang ditawarkan kepada peserta pasaran.

Sementara itu, BMD memperkenalkan kontrak hadapan RBD olein sawit (FPOL) yang memulakan urus niaga pada 16 Jun 2014. Kontrak niaga hadapan dalam denominasi dolar AS yang baharu ini dapat memberikan penyelesaian menyeluruh dalam pengurusan penapisan risiko margin dan lindung nilai terhadap pergerakan harga yang tidak menggalakkan dalam pasaran CPO dan olein sawit. FPOL dan FCPO dijangka dapat mengukuhkan kedudukan Bursa Malaysia dalam pasaran global dan menjadi penanda aras bagi pasaran derivatif minyak sawit. Selain itu, FGLD yang dilancarkan pada 7 Oktober 2013, mula menarik minat para pelabur daripada

institusi domestik dan antarabangsa dengan jumlah dagangan FGLD sebanyak 79,724 kontrak bagi tempoh tujuh bulan pertama 2014.

Industri unit amanah berkembang stabil

Industri unit amanah telah melancarkan lima dana baharu dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, menjadikan jumlah keseluruhan 600 dana (akhir 2013: 6 dana baharu; 595 dana). Jumlah unit dalam edaran meningkat 9.5% kepada 407.4 bilion unit, manakala bilangan akaun merosot 3.2% kepada 16 juta (akhir 2013: 10.5%, 388.5 bilion unit; 4.1%, 16.8 juta). Sementara itu, saiz industri unit amanah dari segi jumlah NAV meningkat 5.7% kepada RM354.7 bilion pada akhir Julai 2014, iaitu 19.9% daripada permodalan pasaran di Bursa Malaysia (akhir 2013: 13.8%; RM335.5 bilion; 19.7%). Dana ekuiti merupakan dana pilihan utama pelabur dengan jualan bersih RM15.9 bilion, diikuti oleh dana aset bercampur RM0.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: RM16.2 bilion; -RM1.5 bilion). Dalam tempoh yang sama, dana

borong menyaksikan 28 dana baharu dilancarkan menjadikan jumlah keseluruhan 221 dana (akhir 2013: 22 dana baharu; 193 dana) dengan NAV yang lebih tinggi pada RM64.3 bilion (akhir 2013: RM59.5 bilion).

Daripada Januari hingga Julai 2014, 12 dana global baharu telah dilancarkan bagi pelaburan dalam pasaran luar negeri (Januari – Julai 2013: 21 dana baharu). Dalam tempoh tersebut, lapan dana global telah melabur RM0.8 bilion dalam pasaran luar negeri (Januari – Julai 2013: 15 dana; RM1.3 bilion). Secara keseluruhan, 290 dana telah melabur dalam pasaran luar negeri dengan jumlah pelaburan bernilai RM22.7 bilion, mewakili pendedahan asing sebanyak 6.4% daripada jumlah NAV industri (akhir 2013: 290 dana; RM22.2 bilion; 6.6%).

Industri amanah pelaburan harta tanah (REIT) terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. Pada akhir Julai 2014, terdapat sejumlah 16 REIT disenaraikan di Bursa Malaysia, berikutan pembatalan penyenaian satu REIT pada 19 Februari 2014 (akhir 2013: 17 REIT). Daripada Januari hingga Julai 2014, jumlah dagangan merosot 37.2% kepada 1.1 bilion unit dan nilai dagangan juga menurun 45% kepada RM1.4 bilion (Januari – Julai 2013: 61.1%, 1.7 bilion unit; 88.7%, RM2.6 bilion). Pada akhir Jun 2014, jumlah permodalan pasaran meningkat kepada RM34.1 bilion, manakala jumlah NAV sebanyak RM28.1 bilion (akhir 2013: RM33.1 bilion; RM28.6 bilion).

Pada akhir Jun 2014, bilangan **dana dagangan bursa (ETF)** yang disenaraikan di Bursa Malaysia meningkat kepada enam ETF dengan jumlah permodalan pasaran hampir tidak berubah pada RM1 bilion (akhir 2013: 5 ETF; RM1 bilion). Daripada Januari hingga Jun 2014, jumlah urus niaga turun 79.3% kepada 19.3 juta unit (Januari – Jun 2013: 14.5%; 93.4 juta unit), manakala nilai dagangan juga merosot 79.5% kepada RM20.9 juta (Januari – Jun 2013: 22.7%; RM102.3 juta).

JADUAL 5.9

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih (pada akhir tempoh)

	2013	2014 Jul
Bilangan syarikat pengurusan	38	37
Bilangan dana yang dilancarkan	595	600
Konvensional	417	415
Islam	178	185
Unit dalam edaran (bilion)	389	407
Bilangan akaun (juta)	17	16
Nilai aset bersih (NAV) (RM bilion)	336	355
Konvensional	293	309
Islam	43	45
Permodalan pasaran Bursa Malaysia (%)	19.7	19.9


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Pelaburan modal teroka meningkat

Industri modal teroka (VC) terus memainkan peranan penting sebagai sumber pembiayaan bagi syarikat pertumbuhan tinggi yang baru membangun. Pada akhir 2013, jumlah bilangan syarikat modal teroka (VCC) berdaftar meningkat kepada 61 syarikat, manakala jumlah syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) bertambah kepada 58 syarikat (akhir 2012: 59 VCC; 53 VCMC), termasuk lapan VCC Islam dan lima VCMC Islam (akhir 2012: 7 VCC Islam; 5 VCMC Islam). Jumlah pelaburan VC mengikut sektor meningkat semula 24.5% kepada RM3.4 bilion pada akhir 2013 (akhir 2012: -23.1%; RM2.8 bilion), dengan teknologi maklumat dan komunikasi menyumbang 35.2%; sains hayat, 31%; pembuatan, 12%; dan elektrik dan penjana kuasa, 5.4%. Sementara itu, dari segi pelaburan VC mengikut peringkat, sebahagian besar daripada dana digunakan untuk pembiayaan pengantara/pra-IPO (41.3%) dan perkembangan/pertumbuhan (34.5%). Jumlah dana komited naik 1.7% kepada RM5.8 bilion dengan agensi kerajaan kekal sebagai sumber utama pembiayaan berjumlah RM3.6 bilion atau 61.4% daripada keseluruhan dana komited pada akhir 2013 (akhir 2012: 4.4%, RM5.7 bilion; RM3.1 bilion, 54.1%).

CARTA 5.13

Sumber Dana Modal Teroka



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Langkah Utama Pasaran Modal

Beberapa langkah telah diambil dalam tempoh sembilan bulan pertama 2014 untuk meningkatkan lagi tahap kecairan dan kecekapan dalam pasaran modal, seperti berikut:

- Pada **2 Januari**, Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia) telah meminda peraturannya untuk memendekkan tempoh pengeluaran laporan tahunan dan pindaan lain bagi memudahkan pematuhan oleh syarikat tersenarai.
- Pada **14 April**, Bursa Malaysia Derivatives Berhad (BMD) meminda peraturannya untuk merombak struktur bagi peserta dagangan dan peserta bersekutu. Oleh itu, peserta dagangan dan peserta bersekutu kini boleh berniaga dalam semua kelas kontrak, dan peserta dagangan tidak lagi perlu memiliki saham utama "A", "B" dan "C".
- Pada **28 April**, Bursa Malaysia telah melancarkan BURSAMKTPLC, pasaran maya yang memberikan maklumat dan pemahaman komprehensif mengenai pasaran saham Malaysia. Pelabur runcit dan pedagang kini akan mendapat akses kepada data pasaran yang besar dan instrumen analisis.

- Pada **16 Jun**, BMD telah meminda peraturannya dengan menggugurkan butiran terperinci berkaitan dengan bursa tertentu dan had kedudukan serta mengasingkannya dalam arahan lain, memudahkan peraturan berkaitan spesifikasi kontrak untuk produk. Langkah ini sebagai sebahagian daripada usaha mencapai rangka kerja pengawalseliaan yang seimbang, peraturan yang selaras dan konsisten serta memendekkan masa ke pasaran bagi pelancaran produk baharu.
- Pada **19 Jun**, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah melancarkan InvestSmart™, kempen mengenai celik pelaburan yang menyeluruh bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan pelabur runcit yang berkeyakinan dan bermaklumat dalam pasaran modal. InvestSmart™ bertujuan menyediakan maklumat pelaburan berharga bagi generasi pelabur akan datang.
- Pada **27 Jun**, SC dan Badan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti (BPPSM) telah melancarkan Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi, satu kod dan koleksi amalan terbaik yang dibangunkan secara bersama oleh pelabur institusi terbesar di Malaysia. Kod ini menggariskan prinsip umum pengendalian berkesan oleh pelabur institusi. Penggunaan prinsip kod tersebut oleh pelabur institusi menunjukkan kesungguhan mereka ke arah tadbir urus korporat yang baik.
- Pada **30 Jun**, SC telah menyemak semula keperluan bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) berkaitan proses penyumberan luar, perkhidmatan atau aktiviti dengan menghapuskan keperluan mendapatkan kelulusan Bursa Malaysia bagi pemegang CMSL untuk terlibat dalam pengendalian penyumberan luar bahan.
- Pada **22 Julai**, Bursa Malaysia Securities Berhad telah memperkenalkan Panduan Amalan Terbaik mengenai Surat Nasihat Bebas (IAL) yang menyediakan hala tuju praktikal untuk Penasihat Bebas menjalankan peranan mereka bagi meningkatkan kualiti nasihat yang diberi dan piawaian penzahiran dalam penyediaan IAL. Langkah ini juga memberi panduan kepada penilaian kuantitatif dan kualitatif untuk cadangan korporat serta maklumat yang boleh meningkatkan kejelasan dan kualiti IAL.
- Pada **28 Ogos**, SC melancarkan rangka kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) bagi memudahkan pembiayaan inisiatif pelaburan mampan dan bertanggungjawab. Pengenalan rangka kerja ini akan memudahkan pewujudan ekosistem kondusif bagi pelabur dan penerbit SRI. Rangka kerja ini juga selaras dengan trend bon hijau dan bon kesan sosial yang semakin meningkat yang telah diperkenalkan di seluruh dunia untuk memudahkan dan menggalakkan pelaburan mampan dan bertanggungjawab. Rangka kerja ini adalah lanjutan daripada rangka kerja sukuk yang sedia ada. Oleh itu, semua keperluan lain dalam Garis Panduan Sukuk terus terpakai. Perkara tambahan yang ditekankan dalam rangka kerja bagi penerbitan sukuk SRI ini termasuk penggunaan dana, projek layak SRI, keperluan penzahiran, pelantikan pihak bebas dan keperluan pelaporan.
- Pada **24 September**, Bank Negara Malaysia (BNM) dan SC telah mengumumkan pembentukan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (FSPB). Lembaga bebas yang diterajui industri ini akan mempromosi, menyokong dan memudahcara dalam pengenalan, pembangunan dan menerima pakai piawaian professional dan beretika yang merentasi semua sektor industri perkhidmatan kewangan. Piawaian tersebut akan mentakrif dengan jelas tahap prestasi dan tingkah laku beretika yang perlu dicapai oleh perkhidmatan kewangan professional dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Perkembangan Kewangan Islam

Pengantarabangsaan kewangan Islam membuahkan hasil

Malaysia terus mempromosi kewangan Islam secara aktif dalam pasaran kewangan domestik dan arena antarabangsa dengan mewujudkan inisiatif untuk mempertingkatkan dan mempermudah transaksi kewangan Islam rentas sempadan bersama komuniti kewangan global yang lain. Inisiatif ini berperanan untuk membangunkan sektor kewangan Islam melalui kepelbagaian produk, meningkatkan rangka kerja kawal selia Syariah dan menggalakkan pengurusan kekayaan Islam sebagai bidang pertumbuhan baharu. Usaha juga ditumpukan kepada bina upaya dan latihan teknikal serta penyelidikan Syariah dan dialog. Perkembangan lain yang penting dalam kewangan Islam termasuk penganjuran aktiviti promosi Pasaran Kewangan Islam Malaysia yang dijenamakan semula serta perkongsian dan kerjasama dengan negara kewangan Islam baharu seperti Hong Kong dan Jepun.

Penubuhan *International Islamic Liquidity Management Corporation* (IILM) oleh sembilan bank pusat dan pihak berkuasa monetari⁴ serta Bank Pembangunan Islam pada 2010 merupakan satu kejayaan besar dalam menangani keperluan global untuk instrumen mudah tunai jangka pendek bagi institusi kewangan Islam. Setelah menerbitkan sukuk pertama dengan tempoh matang 3-bulan berjumlah USD490 juta pada 29 Ogos 2013, IILM telah membuat penerbitan sukuk kedua dengan tempoh matang 3-bulan yang bernilai USD860 juta pada 23 Januari 2014. Sukuk tersebut diberi penarafan A1 oleh Standard & Poor's. Kedua-dua sukuk tersebut telah diterbitkan sebanyak lima kali dan sukuk terkumpul IILM kini mencecah USD1.35 bilion.

Memandangkan kewangan Islam berpotensi besar terutamanya dalam bidang yang belum diterokai, Simposium Pengurusan Kekayaan Islam telah

diadakan pada 30 April 2014 untuk meningkatkan kesedaran dan pepadanan perniagaan dalam pengurusan kekayaan Islam. Simposium ini membincangkan isu praktikal dan cabaran dalam membangunkan lagi industri dan struktur pengurusan kekayaan Islam untuk memperoleh kelebihan daya saing bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pengurusan kekayaan Islam.

Dasar mengenai logo “Perbankan Islam” telah dikeluarkan pada 30 Mei 2014 yang memastikan institusi perbankan Islam (IPI), termasuk IKP menggunakan logo tersebut dalam semua dokumen dan barangan promosi serta mempamerkan logo di cawangan yang hanya menyediakan produk dan perkhidmatan Islam. Keperluan mempamerkan logo ini akan memberi penampilan dan meningkatkan kesedaran tentang adanya produk dan perkhidmatan kewangan Islam di cawangan-cawangan tersebut.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia terus memberi bantuan kepada negara kewangan Islam baharu seperti Hong Kong dan Jepun untuk mewujudkan persekitaran yang memudahkan bagi kewangan Islam. BNM dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong (HKMA) telah menganjurkan Persidangan Bersama mengenai Kewangan Islam di Hong Kong untuk meningkatkan minat dan penerimaan sukuk sebagai pembiayaan dan instrumen pelaburan berdaya maju dalam kalangan komuniti perniagaan dan kewangan Hong Kong. Persidangan ini merupakan satu langkah penting ke arah memperdalam hubungan kewangan Islam antara Hong Kong dengan Malaysia yang boleh diperluas termasuk perkongsian kepakaran pasaran sukuk serta khidmat nasihat undang-undang dan Syariah. Bidang kerjasama lain yang berpotensi mungkin termasuk dwipenyenaraian sukuk, memanfaatkan rangka kerja tadbir urus Syariah Malaysia dan platform timbang tara dan pembangunan modal insan. Semasa persidangan tersebut, HKMA mengumumkan rancangan Hong Kong untuk menerbitkan sukuk berdaulat pertama

⁴ Indonesia, Kuwait, Luxembourg, Malaysia, Mauritius, Nigeria, Qatar, Turki dan Emiriah Arab Bersatu.

dengan sebuah kumpulan perbankan domestik utama diberi mandat sebagai pengurus utama bersama.

Pengawal selia Malaysia juga telah menyertai Seminar Bersama mengenai Dana Islam di Hong Kong anjuran SC dan Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan Hong Kong (SFC). Seminar ini merintis jalan bagi pengurus dana Malaysia melancarkan dana terimbang Islam serantau pertama yang diluluskan oleh SFC di Hong Kong di bawah Perjanjian Pengiktirafan Bersama antara SC dan SFC. Perkembangan ini diharap dapat mendorong pengurus dana lain melancarkan lebih banyak dana Islam di kedua-dua pasaran yang akan meningkatkan permintaan ekuiti dan sukuk Islam.

Pada April 2014, Kumpulan Kerja Bersama mengenai Kerjasama Kewangan antara Malaysia dan Jepun menganjurkan Bengkel Kewangan Islam di Tokyo, Jepun. Bengkel ini disasarkan kepada penerbit sukuk dan pelabur Jepun yang berpotensi dengan memberi tumpuan kepada isu praktikal dan cabaran ke atas penerbitan dan pelaburan sukuk di kedua-dua negara. Perbincangan antara peserta kedua-dua negara juga menjelaskan infrastruktur perundangan Malaysia dan layanan cukai yang diperlukan untuk menjayakan kewangan Islam. Pengawal selia Jepun juga bersetuju merangka pelan tindakan bagi institusi kewangan Jepun menerbitkan dan melabur menerusi sukuk dengan menunjukkan komitmen mereka terhadap pembangunan kewangan Islam jangka panjang di Jepun.

Malaysia kekal menerajui pasaran modal Islam

Pasaran modal Islam terus mengukuh dengan mempromosi dan mewujudkan secara aktif pasaran sukuk yang cergas melalui peruntukan perundangan yang menyokong perbankan dan pasaran modal. Negara juga mempunyai asas yang besar bagi pelabur institusi tempatan iaitu dana pencen, bank dan syarikat insurans untuk mengekalkan pertumbuhan pasaran sukuk. Pada akhir Julai 2014, sebanyak 664 sekuriti patuh

Syariah telah disenaraikan di Bursa Malaysia mewakili 73.2% daripada jumlah sekuriti tersenarai dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM1,084.5 bilion (akhir 2013: 650 sekuriti; 71.4%; RM1,029.6 bilion). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, jumlah dagangan sekuriti patuh Syariah meningkat kepada 205 bilion unit dengan nilai RM199.8 bilion (Januari – Julai 2013: 165.6 bilion unit; RM199.2 bilion). Pasaran sukuk domestik telah berkembang dengan pesat dan Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit sukuk terbesar di dunia, mencakupi 57.3% atau USD161 bilion daripada sukuk terkumpul global dan 63% atau USD41.7 bilion daripada terbitan sukuk pada enam bulan pertama 2014. Bursa Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju bagi destinasi penyenaraian sukuk utama selama lima tahun berturut-turut dengan 21 program dilaksanakan oleh 18 penerbit yang bernilai USD37.8 bilion (akhir 2013: 20 program; 18 penerbit; USD32.9 bilion).



Bursa Suq Al-Sila' (BSAS), platform pelbagai komoditi dan pelbagai mata wang yang mematuhi Syariah pertama di dunia juga terus berkembang dengan bilangan peserta BSAS meningkat kepada 85 (akhir 2013: 77 peserta) yang terdiri daripada 64 peserta dagangan komoditi dan 17 peserta asing pada akhir Julai 2014. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, perolehan dagangan meningkat semula 28% kepada RM3.8 bilion (Januari – Julai 2013: -18.9%; RM2.9 bilion) dengan RM386 bilion komoditi telah ditawarkan dan RM756.6 bilion telah didagangkan pada akhir Jun 2014 (Januari – Julai 2013: RM279.5 bilion; RM507.9 bilion).

Malaysia terus menjadi penggiat penting dalam industri pengurusan dana Islam. Sehingga 17 Jun 2014, Malaysia terus menyumbang kira-kira 25% daripada aset Islam bawah pengurusan (AUM) di peringkat global. Dalam pasaran domestik, AUM Islam mewakili kira-kira 16.9% daripada jumlah AUM industri pada akhir Jun 2014. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 tersebut, syarikat pengurusan dana kekal pada 19, manakala tambahan tujuh dana

CARTA 5.14

Terbitan Sukuk Baharu Mengikut Negara

(% bahagian)



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

unit amanah Islam dan 13 dana borong Islam telah dilancarkan menjadikan 185 dana unit amanah Islam dan 65 dana borong Islam (akhir 2013: 19 dana; 178 dana unit amanah Islam; 52 dana borong Islam). Pada akhir Julai 2014, jumlah NAV dana unit amanah Islam adalah sebanyak RM45.4 bilion dan dana borong Islam RM17.5 bilion (akhir 2013: RM42.8 bilion; RM16.4 bilion). Berikutan penyahsenaraian satu REIT pada 19 Februari 2014, permodalan pasaran tiga REIT selebihnya berjumlah RM14.3 bilion pada akhir Jun 2014 (akhir 2013: 4 REIT; RM14.1 bilion). Jumlah nilai permodalan pasaran bagi dua ETF Islam pula meningkat daripada RM304 juta kepada RM325 juta pada akhir Jun 2014.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperluas asas antarabangsa pasaran modal Islam, metodologi penyaringan Syariah disemak semula untuk ekuiti tersenarai telah dilaksanakan pada November 2013. Metodologi penyaringan

ini dijangka akan meningkatkan lagi daya tarikan segmen ekuiti dan pengurusan dana Islam Malaysia serta menyeragamkan piawaian mengikut amalan antarabangsa. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, dua penasihat Syariah baharu telah diluluskan dan didaftarkan oleh SC untuk memberi nasihat Syariah ke atas produk dan perkhidmatan pasaran modal Islam. Pada akhir Julai 2014, bilangan penasihat Syariah yang diluluskan dan didaftarkan dengan SC adalah 72 yang terdiri daripada 52 individu dan 20 syarikat (akhir 2013: 74 penasihat; 55 individu; 19 syarikat).

Pada 10 Februari 2014, Bursa Malaysia dan Bursa Saham Saudi (Tadawul) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk bekerjasama ke arah meningkatkan hubungan kewangan dan ekonomi antara Malaysia dan Arab Saudi dalam pasaran modal Islam. MoU ini membolehkan kedua-dua bursa berkongsi pengetahuan dan kepakaran seterusnya membuka

pintu untuk pembangunan kemahiran dan peluang rentas sempadan masa depan. Selain itu, MoU ini bertujuan mengeratkan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan produk, penyenaian silang, pertukaran data pasaran, pewujudan indeks, tadbir urus korporat dan aktiviti lain berteraskan pasaran. Perkongsian ini dijangka memberi dimensi baharu kepada pasaran Islam dan mengantarabangsakan lagi kewangan Islam.

Eksport-Import Bank Malaysia Berhad (MEXIM) telah menerbitkan sukuk wakala sulung 5-tahun bernilai USD300 juta pada Februari 2014. Dengan menjadi bank eksport-import pertama di dunia yang menerbitkan sukuk USD, sukuk tersebut telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelabur seluruh dunia dan adalah terlebih langgan 10 kali ganda. Penerbitan tersebut telah diberi penarafan kredit yang setara dengan penarafan berdaulat Malaysia.

Pada Mei, pengendali takaful terbesar di Malaysia telah menerbitkan sukuk musharaka 10-tahun bernilai RM300 juta. Sukuk tersebut merupakan sukuk takaful yang pertama di dunia. Hasil daripada terbitan sukuk digunakan untuk membiayai operasi perniagaan umum dan modal kerja.

Berikutan pelancaran program sukuk pelbagai mata wang bernilai USD500 juta pada Jun 2014, BTMU telah berjaya menerbitkan sukuk yang berdenominasi yen pertama di dunia pada September. BTMU juga merupakan bank komersial Jepun yang pertama menerbitkan bon Islam dan dana diperoleh daripada sukuk wakala 1-tahun bernilai JPY2.5 bilion akan digunakan terutamanya bagi mengembangkan perniagaan Islam BTMU di Malaysia dan Arab Saudi.

Pertumbuhan kukuh perbankan Islam

Industri **perbankan Islam** telah menunjukkan pertumbuhan ketara dalam tempoh lima tahun lepas, dengan aset hampir dua kali ganda daripada RM303.2 bilion pada akhir 2009 kepada RM558.2

JADUAL 5.10

Perbankan Islam¹: Penunjuk Utama (pada akhir tempoh)

	RM bilion		Perubahan (%)	
	2013	2014 Jul	2013	2014 Jul
Aset	558.2	580.8	14.1	9.7
Deposit	436.3	458.9	13.0	13.0
antaranya:				
Pelaburan	190.7	192.8	10.2	4.8
Tabungan	35.5	37.6	8.6	8.5
Permintaan	60.8	62.8	9.6	16.8
Lain-lain	150.0	165.7	19.6	23.9
Pembiayaan	371.6	399.1	18.0	16.1
antaranya:				
Pembuatan	17.3	19.4	2.1	12.7
Pembinaan	16.5	18.8	13.3	26.6
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	23.9	23.6	58.8	43.2
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	18.2	17.2	26.2	5.7
Isi rumah	240.9	258.8	16.9	13.6

¹ Termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

bilion pada akhir 2013. Pada akhir Julai 2014, jumlah aset sistem perbankan Islam (termasuk DFI) meningkat 9.7% kepada RM580.8 bilion (akhir 2013: 14.1%; RM558.2 bilion). Begitu juga, jumlah deposit dalam sistem perbankan Islam meningkat 13% kepada RM458.9 bilion pada akhir Julai 2014 (akhir Julai 2013: 13%; RM436.3 bilion). Dalam tempoh yang sama, jumlah pembiayaan sistem perbankan Islam meningkat 16.1% kepada RM399.1 bilion (akhir 2013: 18%; RM371.6 bilion). Pertumbuhan yang kukuh dalam sistem perbankan Islam juga telah menghasilkan bahagian pasaran yang lebih tinggi daripada aset perbankan Islam (termasuk IKP), telah mencapai 25.1% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 24.9%).

Pada akhir Julai 2014, sektor isi rumah terus mencakupi sebahagian besar pembiayaan Islam pada 64.8% atau RM258.8 bilion (akhir 2013: 64.8%; RM240.9 bilion). Sektor isi rumah diikuti oleh sektor kewangan, insurans dan aktiviti perniagaan dengan 5.9% atau RM23.6 bilion (akhir 2013: 6.4%; RM23.9 bilion); dan sektor pembuatan mencatat 4.9% atau RM19.4 bilion (akhir 2013: 4.7%; RM17.3 bilion).

Industri takaful berpotensi untuk berkembang

Jumlah aset **industri takaful** berada pada RM22.2 bilion, mencakupi 9.3% daripada jumlah aset sektor insurans dan takaful pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 9%; RM20.9 bilion). Industri takaful mencatat keuntungan lebih tinggi walaupun caruman bersih lebih rendah dalam tempoh yang sama. Manakala, permodalan industri takaful kekal utuh pada 190.8%.

Sementara itu, lebih pendapatan berbanding perbelanjaan bagi perniagaan **takaful keluarga** kekal stabil pada RM1.5 bilion (Januari – Julai 2013: RM1.5 bilion) disebabkan oleh caruman bersih dan manfaat sijil bersih yang lebih rendah, iaitu RM1.1 bilion (Januari – Julai 2013: RM1.2 bilion). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, caruman bersih ini berkurangan 10.9% kepada RM2.7 bilion (Januari – Julai 2013: 15.3%; RM3 bilion). Penurunan caruman bersih ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan pendapatan daripada Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTT) yang merangkumi 56.5% daripada jumlah caruman perniagaan baharu. Walau bagaimanapun, industri takaful telah mencatat perolehan modal bersih sebanyak RM32.4 juta dalam tempoh yang sama (Januari – Julai 2013: -RM49.5 juta). Kadar penembusan pasaran bagi takaful juga bertambah baik kepada 14.2% pada akhir Julai 2014 (akhir 2013: 13.9%).

Perniagaan **takaful am** terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 dengan caruman kasar meningkat 13.2% kepada RM1.3 bilion (Januari – Julai 2013: 10%; RM1.1

bilion). Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh perniagaan motor yang menyumbang 58% daripada jumlah perniagaan takaful am. Jumlah nisbah tuntutan industri bertambah baik kepada 48.6% (akhir 2013: 53.6%) terutamanya disumbangkan oleh pengurangan dalam tuntutan kebakaran. Manakala, keuntungan operasi bagi perniagaan takaful am meningkat kepada RM203.9 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: RM186.5 juta).

Seiring dengan pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014, penggiat industri telah meningkatkan strategi perniagaan untuk menyelaraskan kedudukan modal yang lebih baik. Peningkatan strategi ini juga bertujuan untuk menyesuaikan profil risiko bagi operasi perniagaan. Inisiatif yang diambil termasuk menyusun semula strategi pelaburan dan penawaran produk, mengukuhkan lagi kedudukan modal dan meningkatkan keupayaan

JADUAL 5.11

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am


	2013	2014 Jan – Jul
Takaful Keluarga (RM juta)		
Perniagaan baharu		
Jumlah caruman	3,563.5	2,008.3
Jumlah penyertaan	245,563.6	114,644.7
Bilangan sijil (unit)	836,836	355,207
Perniagaan berkuat kuasa		
Caruman tahunan	2,655.5	2,835.2
Jumlah penyertaan	494,083.6	549,130.8
Bilangan sijil (unit)	4,171,066	4,280,710
Takaful Am (RM juta)		
Caruman langsung kasar	1,908.8	1,301.4
Caruman bersih	1,400.5	928.4

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.15

Aset Kumpulan Wang Takaful¹

(% bahagian)

¹ Aset kumpulan wang takaful keluarga dan am.² Pelaburan lain = Pelaburan hartanah + lain-lain.³ Aset lain = Aset tetap + pembiayaan + aset asing + lain-lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

pengunderaitan. Seterusnya, sebilangan pengendali takaful telah membuat suntikan modal tambahan secara langsung dan dalam kes-kes tertentu, merancang untuk menjana modal melalui penerbitan sukuk.

Prospek 2015

Pertumbuhan ekonomi dunia yang semakin meningkat dalam separuh kedua 2014 dijangka terus mengukuh pada 2015. Sementara momentum

pemulihan ekonomi di negara maju semakin meningkat, meskipun pada kadar yang tidak sama, ekonomi membangun yang berkembang pesat dan negara membangun diunjurkan akan terus memacu pertumbuhan global pada 2015. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal stabil antara 5% hingga 6%, didorong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan serta eksport yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kesan limpahan dan penularan daripada normalisasi dasar monetari yang berterusan di AS mungkin masih memberi kesan kepada ekonomi membangun yang berkembang pesat dan negara membangun. Dalam hal ini, sistem kewangan domestik yang lebih berdaya tahan setelah lebih sedekad mengalami pembaharuan, mampu mengurangkan impak serta terus menyokong perkembangan kegiatan ekonomi.

Usaha akan diteruskan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan sektor kewangan yang progresif, mapan dan menyeluruh untuk menyokong transformasi negara ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Berpandukan Pelan Sektor Kewangan, usaha ini akan merangkumi peningkatan kapasiti institusi dan pasaran kewangan dalam penyediaan produk dan perkhidmatan yang meningkatkan nilai; membangunkan rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif untuk memudahkan kepelbagaian perniagaan dan produk perbankan Islam; pengoperasian Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan bagi memastikan sektor kewangan mempunyai kumpulan tenaga mahir berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan masa hadapan; dan mengukuhkan lagi hubungan kewangan serantau dan antarabangsa Malaysia melalui pengoperasian ABIF.

